

09/06/2004

Elak bergantung laporan agensi berita asing: Dr M

KUALA LUMPUR: Pertubuhan agensi berita nasional di rantau ini disaran meningkatkan jalinan kerjasama serta saling mempercayai dalam mendapatkan sumber berita antara negara masing-masing.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata dengan cara itu mereka tidak terlalu bergantung kepada agensi berita antarabangsa yang biasanya memberi gambaran tidak tepat dalam laporan mereka.

Beliau berkata, ada kalanya agensi berita antarabangsa melaporkan berita berdasarkan kehendak dan agenda sendiri tanpa mempedulikan masalah yang bakal dihadapi negara terbabit.

"Oleh itu, saya yakin jika agensi berita yang bersifat nasional itu dapat meningkatkan kerjasama serta mengambil bahan berita daripada sumber yang lebih berwibawa, keadaan akan menjadi lebih baik.

"Agensi berita antarabangsa kebanyakannya gagal memberi laporan tepat, malah ada berita sengaja diputar belit," katanya ketika menyampaikan ucapan sempena majlis makan malam Perhimpunan Agung ke-12 Pertubuhan Agensi-Agensi Berita Asia-Pasifik (Oana) di Hotel Sheraton Imperial, di sini malam tadi.

Pada ucapan yang bertajuk 'Peranan Media Dalam Dunia Yang Berubah' itu, Dr Mahathir berkata, kebebasan akhbar sebenarnya wujud di kebanyakan negara sedang membangun walaupun ada pihak sering mempersoalkannya.

Beliau berkata, jika tidak ada kebebasan media tidak mungkin ada penerbitan negara asing yang sering menghentam dasar kerajaan serta akhbar yang menyokong pembangkang di negara ini disiarkan tanpa ditapis.

Selepas itu, Dr Mahathir mengadakan sesi dialog dengan peserta membabitkan pelbagai isu seperti keganasan, kebebasan media, Wawasan 2020 dan pengguna mata wang yang sesuai untuk negara Asia.

Lebih 100 delegasi yang mewakili 26 agensi berita daripada 24 negara hadir pada majlis makan malam yang dianjurkan bersama oleh akhbar Kumpulan The New Straits Times Press (NSTP), The Star dan Kumpulan Utusan.

Turut hadir Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) NSTP, Syed Faisal Albar.

Delegasi itu berada di ibu negara bagi menghadiri Perhimpunan Agung ke-12 selama dua hari bermula kelmarin.

Perhimpunan dianjurkan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) selaku tuan rumah dan pertemuan kali ini adalah yang terbesar pernah diadakan dalam sejarah 42 tahun kewujudan Oana yang ditubuhkan pada 1961.

Lapan wakil pertubuhan media di rantau utara dan selatan Afrika, Mediterranean dan Balkan hadir pada perhimpunan yang bertema Mara Ke Hadapan Dalam Milenium Baru.

(END)